

20 MARCH 1998

DR MAHATHIR UTUS TAHNIAH KEPADA PM INDIA

KUALA LUMPUR, 20 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengutuskan ucapan tahniah kepada pemimpin Bharatiya Janata Party (BJP), Atal Behari Vajpayee, sempena pemilihannya sebagai Perdana Menteri baru India.

Dalam perutusannya itu, Dr Mahathir berkata hubungan tradisi yang rapat antara Malaysia dan India telah diperluaskan kepada bidang kerjasama baru di peringkat sektor awam dan swasta.

Dr Mahathir juga berkata bahawa peningkatan hubungan pada peringkat rakyat telah mengukuhkan ikatan persahabatan antara kedua-dua negara.

"Saya berharap dapat bekerjasama dengan anda bagi membangunkan dan merapatkan lagi hubungan erat antara Malaysia dan India," kata beliau.

Vajpayee mengangkat sumpah sebagai perdana menteri baru India, semalam.

Beliau mengetuai kerajaan campuran selepas BJP muncul sebagai gabungan parti terbesar setelah pilihan raya negara itu bulan ini menyaksikan tiada parti politik yang meraih majoriti. -- BERNAMA

HJ NAK